

SUNWAY REAL ESTATE INVESTMENT TRUST

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah surat ikatan amanah bertarikh 20 Mei 2010 dan surat ikatan amanah tambahan bertarikh 10 Jun 2010 di antara Sunway REIT Management Sdn. Bhd. dan RHB Trustees Berhad, kedua-dua syarikat diperbadankan di Malaysia)

NOTIS MESYUARAT PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA mesyuarat pemegang-pemegang unit ("**Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit**") Sunway Real Estate Investment Trust ("**Sunway REIT**") akan diadakan di Grand Bahamas, Aras 12, Sunway Resort Hotel & Spa, Persiaran Lagoon, Bandar Sunway, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan pada hari Rabu, 25 Oktober 2017 pada pukul 3.30 petang atau sebaik sahaja berikutan penutupan atau penangguhan (mengikut keadaan) mesyuarat agung tahunan ("**AGM**") kelima kami yang akan diadakan pada pukul 3.00 petang pada hari yang sama dan di tempat yang sama, yang mana terkemudian, atau pada mana-mana penangguhannya, bagi tujuan menimbangkan dan sekiranya difikirkan wajar, meluluskan resolusi berikut dengan atau tanpa pengubahsuaian:

RESOLUSI BIASA

CADANGAN PEMBELIAN SUNWAY CLIO PROPERTY (SEBAGAIMANA DITAKRIFKAN DALAM NOTIS INI) OLEH RHB TRUSTEES BERHAD, BAGI PIHAK SUNWAY REIT, DARIPADA SUNWAY FORUM HOTEL SDN. BHD., ANAK SYARIKAT MILIK PENUH SUNWAY BERHAD, DENGAN HARGA PEMBELIAN SEBANYAK RM340 JUTA

"**BAHAWA** bergantung ke atas pemenuhan kesemua syarat duluan lain di bawah Perjanjian Jual Beli bersyarat bertarikh 3 Ogos 2017 di antara RHB Trustees Berhad ("**Pemegang Amanah**") atau "**Pembeli**", bagi pihak Sunway REIT, dan Sunway Forum Hotel Sdn. Bhd. ("**Penjual**") ("**SPA**") dan tertakluk kepada semua kelulusan diperolehi daripada pihak berkuasa dan pihak-pihak berkenaan (sekiranya diperlukan), kelulusan adalah dengan ini diberi kepada Pemegang Amanah untuk membeli Sunway Clio Property daripada Penjual dengan harga pembelian sebanyak RM340 juta atas terma-terma dan syarat-syarat tertentu sebagaimana dinyatakan dalam SPA yang melibatkan pembelian sepetak tanah pegangan pajakan di bawah H.S. (D) 259881 Lot No. PT 1333, Bandar Sunway, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan bersama dengan bangunan 27-tingkat dengan tingkat bawah rendah (dan kesemua infrastruktur perkhidmatan, perlengkapan dan peralatan yang berada atau terletak atau digunakan dalam Sunway Clio Property) terdiri daripada –

- (a) hotel 19-tingkat bertaraf 4-bintang dengan 401 bilik hotel dan kemudahan termasuk kolam renang, ruang senaman, dewan makan dan bilik mesyuarat yang dikenali sebagai 'Sunway Clio Hotel';
 - (b) 3-tingkat (termasuk 1 tingkat bawah rendah) lot perniagaan; dan
 - (c) 6-tingkat podium tempat letak kereta dan 4-tingkat tempat letak kereta bawah tanah
- (secara kolektif, "**Sunway Clio Property**") ("**Cadangan Pembelian**").

BAHAWA penandatanganan oleh Pemegang Amanah dan pelaksanaan akan obligasi-obligasinya di bawah SPA adalah dan dengan ini diluluskan dan diratifikasi.

DAN BAHAWA Pemegang Amanah dan para pengarah Sunway REIT Management Sdn. Bhd. ("**Pengurus**"), pengurus bagi pihak Sunway REIT, adalah dan dengan ini diberi kebenaran untuk memberi kesan penuh kepada Cadangan Pembelian dengan kuasa penuh untuk berunding, meluluskan, menyetujui dan/atau memberi persetujuan kepada mana-mana syarat, variasi, penilaian semula, pengubahsuaian dan/atau pindaan dalam apa-apa cara sebagaimana mungkin diperlukan / dibenarkan oleh pihak berkuasa berkenaan atau dianggap perlu oleh para pengarah Pengurus dan Pemegang Amanah, untuk berurusan dengan semua perkara yang berkaitan, sampingan dengannya dan/atau yang berkaitan dengannya, dan untuk mengambil semua langkah tertentu dan melakukan semua perbuatan (termasuk menandatangani dokumen-dokumen, surat aku janji dan surat pengesahan tertentu sebagaimana mungkin diperlukan), surat ikatan, benda dan perkara-perkara sebagaimana mereka anggap perlu atau bersesuaian manfaat untuk melaksanakan, memuktamadkan, untuk memberi kesan penuh kepada dan menyempurnakan Cadangan Pembelian."

**Mengikut Arahan Lembaga Pengarah
SUNWAY REIT MANAGEMENT SDN. BHD.
(Pengurus Sunway REIT)**

**TAN KIM AUN (MAICSA 7002988)
CHIN SOO CHING (MAICSA 7042265)**
Setiausaha Syarikat

Bandar Sunway
10 Oktober 2017

Nota:

1. Pemegang unit Sunway REIT ("**Pemegang Unit**") yang berhak menghadiri dan mengundi pada Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit boleh melantik tidak lebih daripada 2 proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak Pemegang Unit tersebut pada Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit. Proksi mungkin tetapi tidak semestinya seorang Pemegang Unit.
2. Sekiranya Pemegang Unit telah melantik proksi untuk menghadiri Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit dan selepas itu beliau sendiri menghadiri Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit tersebut, perantikan proksi tersebut akan dibatalkan dan tidak sah, dan proksi beliau tidak layak menghadiri Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit tersebut.
3. Apabila seseorang Pemegang Unit ialah calon yang diberi kuasa sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, beliau boleh melantik tidak lebih daripada 2 proksi berhubung dengan setiap akaun sekuriti yang dipegang olehnya dalam unit berdasarkan kedudukan kredit akaun sekuriti tersebut.
4. Apabila seorang Pemegang Unit ialah calon yang diberi kuasa yang dikecualikan untuk beberapa pemilik beneficial dalam 1 akaun sekuriti, bilangan proksi yang boleh dilantik tidak dihadkan.
5. Apabila Pemegang Unit atau penama yang dibenarkan melantik 2 proksi, atau apabila penama yang dibenarkan melantik 2 atau lebih proksi, perantikan tersebut tidak sah melainkan perkadaran Pemegang Unit yang diwakili oleh setiap proksi dinyatakan dalam instrumen perantikan proksi.
6. Instrumen perantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pelantik atau wakil sahnyanya. Sekiranya pelantik ialah syarikat, sama ada di bawah meterai rasmi atau ditandatangani oleh pegawainya atau wakil sahnyanya.
7. Instrumen perantikan proksi mestilah didepositkan di Pejabat Berdaftar Syarikat Pengurus di Aras 16, Menara Sunway, Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia tidak lewat daripada 48 jam sebelum masa ditetapkan untuk Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit atau sebarang penangguhannya sama ada dihantar sendiri, melalui pos, mel elektronik atau faksimili kepada (603) 5639 9507. Sekiranya Pemegang Unit ialah syarikat dan borang proksi dihantar melalui faksimili atau mel elektronik, borang proksi asal juga hendaklah didepositkan di Pejabat Berdaftar, sama ada dihantar sendiri atau melalui pos tidak lewat daripada 48 jam sebelum masa ditetapkan untuk Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit atau sebarang penangguhannya.
8. Berkenaan sekuriti yang didepositkan, hanya Pemegang-pemegang Unit yang namanya tercatat pada rekod pendeposit Sunway REIT pada 16 Oktober 2017 layak menghadiri, bercakap dan mengundi pada Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit tersebut.

Notis Data Peribadi

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**") yang mengawal pemprosesan data peribadi dalam urusan niaga komersial adalah berkaitan dengan kami, Sunway REIT Management Sdn Bhd, sebagai Pengurus Sunway REIT.

Data peribadi yang kami proses termasuk nama, butiran hubungan, alamat surat-menyurat dan sebarang data peribadi lain yang diambil daripada mana-mana pendokumenan yang diberikan kepada kami.

Kami boleh menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda kepada pihak yang terlibat untuk tujuan mengeluarkan notis mesyuarat di atas dan mengadakan mesyuarat tersebut.

Tertakluk kepada keperluan di bawah Akta, sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan berkenaan data peribadi anda, sila hubungi kami:

Alamat: Sunway REIT Management Sdn Bhd (806330-x)
Aras 16, Menara Sunway
Jalan Lagoon Timur, Bandar Sunway
47500 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan
No. Tel: (603) 5639 8889
No. Faks: (603) 5639 9507